

# Tindakan Shell lepas cabang penapisan langkah strategik

» MSWG persoal sama ada syarikat induk laksana proses bida kompetitif



**RITA BENOY BUSHON**

**P**enjualan kepentingan 51 peratus ekuiti oleh pemegang saham induk Shell Refining Company (SRC) oleh Shell Overseas Holding Ltd yang operasi utama SRC dalam penapisan minyak adalah berasaskan justifikasi strategik syarikat induknya.

Keputusan syarikat induk dari Belanda melepaskan cabang penapisan mereka pada peringkat global yang mereka telahpun melupakan perniagaan hiliran mereka di Aus-

tralia, Norway, Jepun, UK, Perancis, Denmark, Jerman dan lain-lain adalah strategik. Berikutan strategi ini, loji penapisan SRC di Malaysia juga dijual.

Berdasarkan kenyataan media oleh Shell Overseas Holdings Limited (SOHL) Khamis lalu dan kandungannya yang dimaklumkan sekali lagi ketika taklimat kepada Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti (MSWG) Jumaat lalu, merangkumi beberapa aspek.

Antara aspeknya, ialah justifikasi kewangan mengenai penjualan berkenaan dengan mengambil kira kenyataan oleh SRC selepas Mesyuarat Agung Tahunan pada Jun tahun lalu, termasuk lebih obligasi hutang berjumlah RM1 bilion yang perlu dibayar.

Tambahan pula, perbelanjaan modal yang melebihi AS\$500 juta untuk menaik taraf kilang penapisan supaya menepati piawaian antarabangsa daripada Euro 2 kepada Euro 4 dalam masa dua tahun.

Selain itu, diskaun harga kepada harga pasaran adalah kira-kira 64 peratus iaitu dalam penjelasannya, SOHL menyatakan harga tawaran itu adalah selepas mengambil kira liabiliti di dalam bukunya.

Oleh yang demikian, harga yang dijual adalah setimpal nilai intrinsik dan ia tidak mengambil kira perbelanjaan modal yang besar untuk menaik taraf loji.

Bagaimanapun, MSWG mempersoalkan mengenai sama ada syarikat induk melakukan proses pembidaan yang kompetitif.

## Pembida tempatan dan luar negara

Menurut wakil SOHL, terdapat pelbagai pembida tempatan dan luar negara bagi 51 peratus kepentingan mereka dalam SRC.

Selepas melalui proses yang sewajarnya, mereka mengambil keputusan memilih Malaysia Hengyuan International Limited (MHIL) kerana penawaran yang diterima adalah pasti dan boleh-bayar menurut pihak SOHL.

MSWG juga membuat penyelidikan latar belakang Shandong Hengyuan Petrochemical Group, yang juga syarikat induk MHIL dan sebuah perusahaan milik negara yang besar di China yang terbabit dalam bidang kejuruteraan petrokimia dan penapisan minyak.

MHIL kelihatan seperti mempunyai kepakaran tekni-

kal, operasi dan kewangan, termasuk memenuhi semua obligasi hutang dan menaik taraf loji penapisan SRC.

Bagaimanapun, MSWG meminta wakil SOHL menyampaikan mesej kami kepada MHIL untuk mempertimbangkan harga tawaran yang lebih tinggi sekiranya ada tawaran alternatif yang lebih menarik.

SOHL dan SRC sepatutnya dari mulanya menyampaikan justifikasi pelupusan dan alasan kewangannya dengan cara yang lebih jelas dan wajar serta cepat supaya pemegang saham mendapat pemahaman dengan teliti.

Itulah satu-satunya obligasi pemegang saham induk terhadap pemegang saham minoriti mereka yang bersama-sama sejak penubuhan mereka di Malaysia.

Ini memandangkan dunia kini sedang mengalami salah satu fasa kemerosotan minyak yang teruk. Pemegang saham mungkin boleh bersimpati dengan penjelasan mengenai penjualan itu.

MSWG akan menganjurkan satu forum sebagai platform bagi semua pemegang saham SRC untuk lebih memahami penjualan itu serta mengetengahkan sebarang isu yang membimbangkan mereka.